

## PENENTU PEMACU DAYA SAING USAHAWAN BUMIPUTERA DI NEGERI TERENGGANU: SATU ANALISIS

Rossidi Usop<sup>1</sup>, Fakhrol Anwar Zainol<sup>2</sup>, Nadhirah Nordin<sup>3</sup>, Noradilah Abdul Wahab<sup>4</sup>, Noor Muthmainnah Hamdul Hadi<sup>5</sup>

<sup>1,2,5</sup>Faculty of Economics and Management Science, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia  
<sup>3,4</sup> Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

Penulis Koresponden: Rossidi Usop  
rossi\_sidi@yahoo.com

---

**Abstrak:** Artikel ini bertujuan memahami pandangan pakar terhadap penentu pemacu daya saing perniagaan di negeri Terengganu. Untuk mencapai tujuan ini, maklumat yang dikumpul daripada sekumpulan 6 orang pakar daripada pengurusan tertinggi di agensi berkaitan keusahawanan yang telah dipadankan untuk dianalisis secara kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tanda arah positif dan kekuatan hubungan antara faktor pembangunan modal insan, akses pemasaran dan kewangan terhadap penentu daya saing perniagaan bagi usahawan Bumiputera Melayu di negeri Terengganu. Dapatan ini secara tidak langsung memerihalkan penentu pemacu daya saing perniagaan untuk refleksi usahawan dan menjadi strategi pemeraksanaan program pembangunan keusahawanan bagi agensi dan kementerian berkaitan pembangunan keusahawanan khususnya di negeri Terengganu, Malaysia.

**Kata kunci:** Pandangan Pakar, Daya Saing, Usahawan Melayu, negeri Terengganu

**Abstract:** *This article aims at understanding the expert's view of the determinants of business competitiveness drivers in the state of Terengganu. In order to meet this goal, qualitative methods being use to analyze details from group of 6 experts from top management in entrepreneurship agencies. The findings show that there are signs of positive direction and the strength of the relationship between human capital development factors, marketing and financial access to business competitiveness for Bumiputera entrepreneurs in Terengganu state. This finding indirectly describes the determinants of business competitiveness drivers for the reflection of entrepreneurs and is a strategy of empowering entrepreneurship development programs for agencies and ministries related to entrepreneurship development, especially in the state of Terengganu, Malaysia.*

**Keywords:** Expert views, Competitiveness, Malay Entrepreneurs, Terengganu state

### Pengenalan

Sesebuah negara didapati akan menjadi pesat serta membangun sekiranya memiliki ramai golongan usahawan (Norasmah Othman, 2010:217). Ini berikutan, golongan usahawan mampu menjadi penggerak kepada perkembangan pembangunan ekonomi kepada sesebuah negara (Shahrin Hashim & Hemalatha Segar, 2010:1). Oleh yang demikian, demi merealisasikan hasrat melahirkan seramai mungkin usahawan khususnya dalam kalangan Bumiputera, pihak kerajaan mula memperkenalkan pelbagai dasar bagi menyokong usaha tersebut.

Menurut Yahaya (2014:43) usaha untuk membangunkan usahawan Bumiputera dipergiatkan melalui beberapa agensi khusus yang berperanan memperkasakan usahawan dan bakal-bakal usahawan, antara agensi-agensi yang terlibat adalah seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corp. Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), SME Bank, Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), dan lain-lain lagi. Menurut beliau lagi, antara tujuan utama penubuhan agensi-agensi pembangunan keusahawanan ini antaranya adalah untuk menanam sifat budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat di Malaysia (Yahaya, 2014:47). Jadual 1 menjelaskan dengan lebih jelas peranan secara khusus agensi-agensi tersebut.

**Jadual 1:** Agensi-agensi pelaksana program pembangunan keusahawanan

<b>Agensi-agensi pelaksana</b>	<b>Peranan</b>
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganjurkan kursus, latihan dan khidmat nasihat.</li> <li>• Menyediakan kemudahan pinjaman berskala kecil, sederhana dan besar.</li> </ul>
SME Bank	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan kemudahan pinjaman bagi keperluan pertumbuhan perniagaan kepada usahawan Bumiputera IKS.</li> </ul>
Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peneraju kepada semua program keusahawanan (<i>lead agency</i>), sebagai penyalur perkhidmatan (<i>service provider</i>), pemudah cara (<i>facilitator</i>), pusat kecemerlangan latihan (<i>knowledge based</i>) dan pusat tumpuan kepada pembangunan usahawan (<i>focal point</i>).</li> </ul>
Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berperanan membantu usahawan kecil Bumiputera dalam mendapatkan dan menyediakan kemudahan modal perniagaan.</li> </ul>
SME Corp. Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai Agensi Penyelarasan Pusat (CCA) bagi menyelaras dan memperkemaskan semua program PKS termasuk</li> </ul>

	pembangunan keusahawanan di bawah bidang kuasa Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (NSDC) .
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Unit strategik di Jabatan Perdana Menteri bertujuan menerajui, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara selaras dengan Pelan Transformasi Negara.</li><li>• Menyediakan peluang perniagaan, pembiayaan perniagaan, pembangunan modal insan serta pelbagai pelaburan swasta.</li></ul>

Tumpuan penubuhan agensi-agensi pembangunan usahawan di Malaysia lebih memberi tumpuan khusus kepada beberapa agenda utama seperti menganjurkan kursus-kursus dan latihan, menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat, mengkomersialkan produk, menyediakan kepada akses pemasaran dalam dan luar negara dan penyediaan sumber pembiayaan.

### **Penyataan Masalah**

Daripada perbincangan diatas menunjukkan betapa pentingnya pembangunan keusahawanan bagi mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Namun, di sebalik perkembangan pesat tersebut terdapat permasalahan utama yang dikenal pasti berhubung pembangunan keusahawanan Melayu. Umumnya usahawan Bumiputera Melayu dilihat masih lagi kurang kemampuan untuk bersaing (Shahrin Ramli, 2017:7) berikutan kemampuan yang terhad dalam menyaingi kejayaan kaum bukan Melayu dalam bidang keusahawanan (Mohd Rosli Mohammad & Rosman Mahmood, 2014; Yahaya, 2014) yang menatijahkan kegagalan untuk berkembang maju dalam sektor perniagaan (Tijjani, 2015:4).

Persoalannya kenapa perkara tersebut masih berlaku, sedangkan pelbagai bentuk bantuan, sokongan dan keprihatinan dalam membangunkan agenda keusahawanan Bumiputera negara, namun pertumbuhan yang dicapai oleh Bumiputera Melayu tidak berada pada tahap yang diharapkan?

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kejayaan usahawan Bumiputera di negeri Terengganu.

### **Sorotan Literatur**

Rahmah Ismail (2006) mendapati faktor daya saing boleh menjadi penentu kepada kemajuan usahawan Bumiputera dalam menghadapi suasana perniagaan global yang begitu kompetitif. Kajian beliau menunjukkan usahawan Bumiputera khususnya Melayu kurang mampu untuk berdaya saing berikutan kegagalan memenuhi keperluan kepada aspek kewangan, modal insan, tahap teknologi yang rendah serta akses kepada pemasaran lemah yang menatijahkan kepada prestasi syarikat yang lemah.

Seterusnya, Saad, Ghani, & Ahmad (2014) pula mendapati hubungan rancangan perniagaan strategik ke kejayaan perniagaan PKS di Malaysia adalah amat signifikan positif. Selain itu, Zainol, Osman, Zakaria, & Samsudin (2015), mengenal pasti kecenderungan dan usaha-usaha yang dilakukan oleh usahawan-usahawan Bumiputera yang berprestasi tinggi untuk memperkembangkan sayap perniagaan. Data kajian yang dikumpul daripada 250 usahawan Bumiputera berprestasi tinggi menunjukkan usahawan Bumiputera berprestasi tinggi mempunyai tahap kecenderungan yang tinggi untuk merancang pelbagai pendekatan dalam memperkembangkan perniagaan terutamanya melibatkan pemeraksanaan tingkat teknologi.

Usaha lain, oleh Koe, Omar, & Sa'ari (2015) mendapati faktor sikap dan persepsi positif memainkan peranan sebagai penggalak amalan keusahawanan di kalangan responden terlibat. Dalam pada itu, kajian oleh Ayob, Daud, & Ismail (2016) tentang faktor pembangunan modal insan dan daya saing usahawan wanita Malaysia mendapati hasil analisis faktor mendapati empat faktor utama yang membentuk sumber manusia dalam diri usahawan wanita iaitu faktor pendidikan dan latihan; pengalaman perniagaan, sokongan sosial dan kreativiti, manakala bagi aspek daya saing, terdapat tiga faktor utama iaitu bantuan kewangan, iltizam perniagaan, prasarana dan infrastruktur.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa usahawan Bumiputera khususnya masyarakat Melayu masih lagi gagal untuk memenuhi pemacu-pemacu yang menentukan daya saing dan perkembangan perniagaan seperti pembangunan modal insan, akses kepada pemasaran, penerapan teknologi dan inovasi, akses sumber kewangan, dan

infrastruktur. Oleh yang demikian, usahawan Bumiputera masih tidak dapat lari dari menghadapi masalah melengkapinya bagi memastikan perniagaan mampu untuk berdaya saing.

### **Metodologi Kajian**

Matlamat utama kajian kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes ini berhasrat membuat penerokaan secara langsung bagi mengenal pasti daya saing usahawan Melayu dari sudut pandangan pakar dari agensi pembangunan usahawan di Terengganu, Malaysia. Pemilihan reka bentuk kajian kes amat sesuai kerana kajian kes dilihat mampu memberikan maklumat yang kaya dan mendalam, membawa kepada penemuan tema baru serta mengesahkan apa yang telah diketahui (Lebar, 2006: 100-101). Justeru, kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes untuk memperoleh data kajian melalui analisis dokumen dan temu bual pakar di agensi-agensi pembangunan usahawan yang telah dikenal pasti. Data-data berkaitan juga turut diperolehi daripada jurnal, buku, akhbar dan ucapan rasmi yang kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema (*thematic analysis*).

Pemilihan pensampelan pertimbangan (*judgmental sampling*) akan digunakan juga kerana ini mampu membantu pengkaji menetapkan kriteria atau pertimbangan tertentu dalam memilih agensi pembangunan usahawan yang paling sesuai untuk dijadikan sampel (Azni, 2010:139). Teknik pensampelan pertimbangan juga sesuai digunakan kerana ia dikhususkan untuk kajian yang bersifat penerokaan dan apabila saiz populasi kajian adalah terlalu besar (Azni, 2010:139). Oleh itu, enam orang pakar telah dipilih sebagai informan kajian. Inskripsi temu bual berstruktur telah di analisis secara manual untuk mendapatkan data-data yang dikumpulkan melalui proses pembinaan tema yang telah ditetapkan.

Dengan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan di atas, penyelidik telah memilih enam (6) buah agensi pembangunan usahawan di Terengganu yang bernaung di bawah Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan negeri Terengganu (MSPUT) yang berperanan sebagai sebuah badan yang menyelaras penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi negara. Senarai semua enam institusi yang menjadi sampel kajian di tunjukkan di jadual 2 yang berikut:

**Jadual 2:** Agensi-agensi pelaksana dan informan kumpulan pakar

<b>Agensi-agensi pelaksana</b>	<b>Informan</b>
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah MARA negeri Terengganu</li></ul>
SME Corp. Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah SME Corp. negeri Terengganu</li></ul>
Jabatan Hal ehwal Agama Terengganu (JHEAT) Bahagian Pengurusan Halal	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pegawai JHEAT negeri Terengganu</li></ul>
Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurus Pembangunan Keusahawanan negeri Terengganu</li></ul>
Dewan Perniagaan Melayu Negeri Terengganu (DPM)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurus DPMNT negeri Terengganu</li></ul>
Agro Bank Berhad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurus Agro Bank negeri Terengganu</li></ul>

### **Dapatan Kajian**

Bahagian ini akan memberikan tumpuan khusus berkenaan hasil penganalisan pandangan pakar terhadap penentu pemacu daya saing perniagaan dalam kalangan usahawan Melayu di negeri Terengganu. Berdasarkan hasil dapatan kualitatif iaitu pengkaji melakukan temu bual bersemuka bersama enam orang pakar telah menjawab persoalan kajian berikut:

**Persoalan Kajian 1:** **Apakah pembangunan keusahawanan sebahagian daripada strategi pembangunan negeri dan apakah bentuk program sokongan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan?**

*Informan 1:* “Sebenarnya sebagai sebuah agensi MARA ini, memang kita dah tahu bahawa semenjak penubuhannya pada tahun 1966, matlamat utama MARA adalah berkaitan Keusahawanan. Apa yang MARA laksanakan sekarang ini adalah menjurus untuk melahirkan atau meningkatkan bilangan usahawan bagi membantu meningkatkan pendapatan Bumiputera”

*Informan 2:* “Kalau kita lihat di beberapa negeri sebagai contoh macam di Terengganu sendiri. Kita ada di panggil Majlis Sekretariat Pembangunan

*Usahawan Negeri Terengganu. Setahu saya, Terengganu adalah merupakan negeri yang pertama menubuhkan sekretariat yang sebegini merangkumi agensi-agensi pelaksana yang melibatkan keusahawanan termasuk agensi daripada negeri dan juga agensi daripada persekutuan. Ini merupakan satu langkah orang kata satu langkah yang bijak, sebabnya di bawah agensi-agensi kerajaan ini banyak bantuan-bantuan yang diberikan kepada usahawan tetapi yang paling penting sekali adalah melalui majlis ini kita boleh buat dari segi koordinasi program”*

**Informan 3:** *“Bahagian JHEAT merupakan pegerusi halal dan standard pensijilan. Jadi kepada usahawan kita akan lebih tekankan mengenai permohonan halal, kalau dari sudut bimbingan dan program sokongan kita sebenarnya tidak lari dari Halal itu sendiri, kalau dengan usahawan-usahawan yang ada kita biasanya beri latihan berkaitan dengan halal seperti klinik mengenai halal dan program kesedaran halal, itu saja”*

**Informan 4:** *“Pihak kerajaan negeri meletakkan dasar supaya YPU mewujudkan usahawan yang berdaya saing, berdaya tahan, berwibawa dan dinamik di tahap global. Walau bagaimanapun, yang penting mesti berjaya di tahap local terlebih dahulu dan kita juga menetapkan visi untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang dan berkualiti menerusi perkongsian pengetahuan ilmu keusahawanan, menyediakan perkhidmatan pembiayaan kewangan, penerokaan peluang perniagaan, promosi produk serta khidmat nasihat dan bimbingan kepada usahawan supaya lebih maju dan berjaya pada masa akan datang”*

**Informan 5:** *Dalam Transformasi Ekonomi Baru ataupun disebut sebagai secara ringkasnya TETP. Kerajaan telah mengenal pasti lima sektor ekonomi untuk menjadi sasaran, untuk menjadi pemangkin pembangunan ekonomi Terengganu iaitu. Satu, Pembuatan Minyak dan Gas, sektor kedua pelancongan, ketiga bio teknologi, keempat komunikasi kandungan, infrastruktur dan teknologi baru dan yang ke lima PKS. Melalui lima sektor ini, ia akan berhubung pula dengan sektor-sektor kecil yang lain untuk menjadi, menjadi apa, menjadi keusahawanan sebagai sebahagian daripada program untuk memajukan negeri Terengganu dan*

*memanglah kita tahu bahawa di mana sekalipun keusahawanan atau perniagaan syarikat ini adalah sumber untuk memberi peluang-peluang pekerjaan yang secara tidak langsung akan meningkatkan ekonomi suatu tempat”*

**Informan 6:** *“Bercakap mengenai program pembangunan usahawan Agro Bank secara menyeluruh di Malaysia, secara menyeluruhnya Agro Bank ada bermacam-macam skim pembiayaan dan kita pupuk pelanggan-pelanggan kita ini sekecil-kecil perniagaan daripada mikro supaya dia orang dapat tingkatkan lagi pendapatan mereka”*

**Persoalan kajian 2:** Terdapat lima pemacu yang menentukan daya saing dan perkembangan perniagaan di Malaysia iaitu: (1) pembangunan modal insan, (2) akses kepada pemasaran, (3) penerapan teknologi dan inovasi, (4) akses sumber kewangan, dan (5) infrastruktur. Hakikatnya, usahawan Melayu masih tidak dapat lari dari menghadapi masalah melengkap pemacu ini bagi memastikan perniagaan mampu untuk berdaya saing. Justeru, apakah pemacu daya saing yang perlu dipertajamkan oleh usahawan Melayu dalam menghadapi persaingan dalam perniagaan?

**Informan 1:** *“Pada saya, kelima-lima ini berkait, cuma mungkin ada masa-masa usahawan tidak perlukan semua serentak, tetapi berkait maksudnya kena adalah.*

**Informan 2:** *“Saya melihat kepentingan kepada modal insan melebihi daripada keperluan-keperluan lain di dalam memacu daya saing usahawan Melayu Bumiputera. Walau bagaimanapun, pemacu-pemacu lain turut memainkan peranannya sebagai penyokong”*

**Informan 3:** *“Kalau turun audit ke premis-premis, nampaknya macam marketing lah perlu diutamakan”*

**Informan 4:** *Saya lihat kepada modal insan perlu ditekankan terlebih dahulu untuk membentuk usahawan yang bersahsiah dalam bidang perniagaan itu, lebih mampu untuk berdaya sianglah”*



**Informan 5:** “Saya rasa yang paling orang Melayu kurang dan perlu per tajam kan ialah kewangan. Sebab bagi saya kewangan adalah modal, sebenarnya semua ini modal tetapi dalam apa cara sekali pun tak dok duit kita tidak boleh berjalan”

**Informan 6:** “Dari segi kegagalan, apa yang saya tengok usahawan-usahawan kita ini dari segi rekod keeping nya dia lemah. So, yang itu punca kegagalan untuk dia manage duit dia”

### **Rumusan dan Analisis**

Hasil analisis kajian terhadap kumpulan pakar yang terdiri daripada 6 orang pengurusan tertinggi di agensi atau kementerian berkaitan keusahawanan telah mengenal pasti beberapa penemuan. Pertama, dari segi strategi pembangunan negeri meliputi pembangunan polisi, institusi dan program sokongan kepada para usahawan Melayu iaitu meliputi:

1. Membantu meningkatkan bilangan usahawan bagi membantu meningkatkan pendapatan Bumiputera melalui anjuran program sokongan berbentuk pendidikan dan latihan.
2. Mewujudkan Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu yang di pengurusikan oleh Jawatan kuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi Negeri Terengganu yang dinaungi sebanyak 32 agensi kerajaan sebagai koordinasi dalam mereka bentuk polisi-polisi terutamanya di dalam proses pembangunan PKS di Terengganu.
3. Menyediakan perkhidmatan pembiayaan kewangan, penerokaan peluang perniagaan, promosi produk serta khidmat nasihat dan bimbingan kepada usahawan supaya lebih maju dan berjaya.
4. Memperkenalkan Transformasi Ekonomi Baru (TETP), kerajaan telah mengenal pasti lima sektor ekonomi untuk menjadi sasaran, untuk menjadi pemangkin pembangunan ekonomi Terengganu iaitu. Satu, Pembuatan Minyak dan Gas, sektor kedua pelancongan, ketiga bio teknologi, keempat komunikasi kandungan, infrastruktur dan teknologi baru dan yang ke lima

PKS. Kerajaan berharap melalui lima sektor ini mampu mencetus pendapatan ataupun meningkatkan ekonomi negeri Terengganu.

Manakala, analisis persoalan kajian Kedua, iaitu berkaitan apakah pemacu daya saing utama yang terdiri dari (1) pembangunan modal insan, (2) akses kepada pemasaran, (3) penerapan teknologi dan inovasi, (4) akses sumber kewangan, dan (5) infrastruktur yang perlu dipertajamkan oleh usahawan Melayu dalam menghadapi persaingan perniagaan yang kompetitif telah dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa pemacu daya saing yang dilihat begitu dominan bagi usahawan Bumiputera dalam memastikan kejayaan dalam perniagaan dapat dicapai. Jadual 3 menggambarkan pemacu utama daya saing yang perlu diberi perhatian oleh usahawan dan juga agensi terlibat.

**Jadual 3:** Pemacu utama daya saing usahawan Bumiputera

<b>Agensi-agensi pelaksana</b>	<b>Pemacu Utama</b>
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kelima-lima pemacu perlu dipertajamkan</li></ul>
SME Corp. Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembangunan Modal Insan</li></ul>
Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu (JHEAT)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Akses Pemasaran</li></ul>
Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pembangunan Modal Insan</li></ul>
Dewan Perniagaan Melayu Negeri Terengganu (DPM)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sumber Kewangan</li></ul>
Agro Bank	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurusan Kewangan</li></ul>

Berdasarkan kepada keseluruhan faktor tersebut, hasil analisis kajian mendapati bahawa faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kejayaan usahawan Bumiputera di negeri Terengganu adalah faktor pembangunan modal insan yang meliputi pendidikan dan latihan kepada para pekerja, akses kewangan melibatkan bantuan pinjaman daripada institusi kewangan formal seperti bank dan agensi, akses pemasaran melibatkan sokongan dalam melebarkan sayap perniagaan sama ada dalam dan luar negara diikuti faktor-faktor lain seperti tahap teknologi moden dan kemampuan berinovasi dalam kalangan pekerja serta bantuan infrastruktur melibatkan prasarana seperti pengangkutan, komunikasi dan logistik.

### **Rujukan**

- Azni, F. (2010). *Kaedah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia* (Cetakan pe). Universiti Teknologi Mara (UPENA).
- Koe, W.-L., Omar, R., & Sa'ari, J. R. (2015). Factors Influencing Propensity to Sustainable Entrepreneurship of SMEs in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 172, 570–577. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.404>
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Teori dan Metod* (Cetakan Pe). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rosli Mohammad, & Rosman Mahmood. (2014). Perkembangan Global, Daya Saing dan Usahawan Melayu. In M. R. M. Yaacob, Mohd Rafi (Ed.), *Usahawan Kecil Melayu isu dan Penyelesaian* (Pertama, pp. 2–38). Universiti Malaysia Kelantan.
- Nor Azira Ayob, Sity Daud, & Muhamad Takiyuddin Ismail. (2016). Faktor Pembentukan Modal insan , daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia : Analisis kualitatif usahawan wanita bumiputera di Melaka. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(10), 56–67.
- Norasmah Othman. (2010). Pemupukan Pemikiran Keusahawanan. In Salleh Amat, Riza Atiq Abdullah O.K Rahmat, & Zaharah Zainal (Eds.), *Mengilhamkan Harapan, Mencipta Masa Depan: Pengalaman Pembelajaran di UKM*. Pusat Pembangunan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah Ismail. (2006). *Daya Saing Usahawan dan Syarikat Melayu Dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saad, R. M., Ghani, A. H. A., & Ahmad, S. (2014). Impak Mempraktikkan Rancangan Perniagaan Strategik Ke Atas Prestasi Perniagaan PKS Di Malaysia dan Pengaruh Persekitaran Luaran Dinamik. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 163–186.
- Sabiu, I. T., Abdullah, A. A., & Amin, A. (2017). Impact of Motivation and Personality Characteristics on Bumiputeras' Entrepreneurial Persistence in Malaysia. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 22(02), 1750009. <https://doi.org/10.1142/S1084946717500091>
- Shahrin Hashim, & Hemalatha Segar. (2010). Persepsi Pelajar Tahun 4 SPH (Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan) (Kemahiran Hidup) Terhadap Bidang

Usahawan Siswa. *Unpublished*, 1–7.

Shahrin Ramli. (2017, April). Syarikat Berkaitan Kerajaan Agen Memperkasakan  
Ekonomi. *Dewan Ekonomi, Dewan Bahasa Dan Pustaka.*, 7–9.

Tijjani, I. S. (2015). *Bumiputra Entrepreneurial Persistence In Terengganu, Malaysia:  
The Impact Of Motivation And Personality Characteristics*. Universiti Sultan Zainal  
Abidin.

Yahaya, I. (2014). *Keusahawanan Dan Daya Saing Dalam Sektor Perlancongan Pulau  
(Pertama)*. Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza).

Zainol, Z., Osman, J., Zakaria, T., & Samsudin, N. (2015). Menilai kecenderungan dan  
usaha perkembangan syarikat bumiputera berprestasi tinggi. *Management Research  
Journal*, 5(1), 38–51.